



JABATAN CETAK KERAJAAN

Km. 4, Jalan Tuaran

Beg Berkunci No.2004

88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. *(Please quote this reference in any reply to this letter)*

Ruj. Kami: JCK:100-4/1 klt.17 (29)

6 April 2023

Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Negeri,
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri,
Semua Presiden Majlis Perbandaran,
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,
Semua Pegawai Daerah,
Semua Penolong Pegawai Daerah-daerah Kecil.

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING MENGENAI TEMPOH PENGHANTARAN SURAT PERMOHONAN BERSERTA BAHAN-BAHAN LENGKAP UNTUK DICETAK KE JABATAN CETAK KERAJAAN SABAH

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini menghadapi masalah untuk menyiapkan kerja-kerja segera apabila menerima pesanan di saat-saat akhir berserta bahan-bahan yang tidak lengkap. Kelewatan penghantaran surat permohonan pesanan berserta bahan-bahan yang tidak lengkap telah menjejaskan kualiti produk yang dihasilkan. Jabatan ini memerlukan masa yang cukup untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut (terutamanya kuantiti pesanan yang banyak) di mana akan melalui beberapa proses seperti menaip huruf, menyemak/membaca pruf, menyediakan layout/*artwork*, memproses plat, mencetak, menjilid dan sebagainya.

3. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan tahap kualiti produk yang terbaik dan mengelakkan kelewatan menyiapkan kerja tersebut, Jabatan ini memohon kerjasama Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan agar surat permohonan berserta bahan yang diperlukan untuk dicetak hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini mengikut ketetapan yang berikut:

- 3.1 Menghantar sekurang-kurangnya **sepuluh (10) hari waktu bekerja sebelum tarikh buku tersebut dikehendaki siap.**
- 3.2 Surat permohonan tersebut lengkap dengan bahan-bahan yang diperlukan dan dalam bentuk salinan keras.
- 3.3 Bahan salinan lembut dalam format *photoshop Color Mode* CYMK, *Resolution* Imej 300dpi, Jpeg atau Tiff.
- 3.4 Sekiranya dalam format *Microsoft Word*, (Jika gambar dalam MS Word, gambar asal/original perlu disimpan di dalam satu (1) folder yang berasingan).
- 3.5 Segala salinan lembut hendaklah di kirim ke emel komputerjck@gmail.com atau secara penghantaran tangan ke Jabatan Cetak Kerajaan.

“SABAH MAJU JAYA”

Ruj. Kami : JCK:100-4/1klt.17 (29)
Tarikh : 6 April 2023

**PEKELILING MENGENAI TEMPOH PENGHANTARAN SURAT PERMOHONAN
BERSERTA BAHAN-BAHAN LENGKAP UNTUK DICETAK KE JABATAN CETAK
KERAJAAN SABAH**

4. Maklumat dan panduan penghantaran bahan untuk tujuan percetakan boleh diperolehi secara digital dengan mengimbas kod QR yang berikut:



5. Kerjasama dan keprihatinan Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(LIEW CHERN WEI)
Pencetak Kerajaan Sabah
Jabatan Cetak Kerajaan

"SABAH MAJU JAYA"